

## APLIKASI FIQH ZAKAT EMAS DI MALAYSIA

### *Application of Fiqh on Zakat on Gold in Malaysia*

Azri Bhari (Dr.)<sup>i</sup>, Mohd Faiz Mohamed Yusof (Dr.)<sup>ii</sup>, Mohammad Mahyuddin Khalid<sup>iii</sup>, Mohd Ashrof Zaki Yaakob (Dr.)<sup>iv</sup>, Mohamad Shukran Abdul Razak<sup>v</sup>

<sup>i</sup> Pensyarah Kanan, Institut Kajian Zakat (IkaZ), Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA (UiTM), 40450 Shah Alam, Selangor, azrib@uitm.edu.my

<sup>ii</sup> Pensyarah Kanan, Institut Kajian Zakat (IkaZ), Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA (UiTM), 40450 Shah Alam, Selangor, faizyusof@uitm.edu.my

<sup>iii</sup> Pensyarah Kanan, Institut Kajian Zakat (IkaZ), Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA (UiTM), 40450 Shah Alam, Selangor, emkay@uitm.edu.my

<sup>iv</sup> Pensyarah Kanan, Institut Kajian Zakat (IkaZ), Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA (UiTM), 40450 Shah Alam, Selangor, ashrof@uitm.edu.my

<sup>v</sup> Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA (UiTM), 40450 Shah Alam, Selangor, mshukran055@uitm.edu.my

<b>Abstrak</b>	<b>Abstract</b>
<p><i>Emas merupakan sejenis logam bernilai yang menjadi simbol kekayaan harta. Emas telah digunakan untuk pelbagai tujuan seperti dijadikan wang untuk urusan jual beli dan dijadikan perhiasan untuk golongan wanita. Mutakhir, emas telah dijadikan alat pelaburan melalui pemilikan jongkong, syiling dan akaun untuk tujuan mendapatkan keuntungan. Pemilikan terhadap emas mewajibkan masyarakat Islam mengeluarkan zakat sebagaimana yang telah digariskan oleh syarak. Oleh itu, artikel ini bertujuan melihat konsep zakat emas dalam perbincangan fiqh klasik serta menyesuaikan dengan perkembangan semasa penggunaan emas dalam masyarakat kini. Seterusnya melihat amalan dan pelaksanaan zakat emas di institusi-institusi zakat di Malaysia. Kajian berbentuk kualitatif ini dilaksanakan dengan menggunakan metode pengumpulan data dan analisis data. Metode pengumpulan data dilakukan melalui penyelidikan perpustakaan. Data</i></p>	<p><i>Gold is a precious metal that symbolizes wealth. Gold has been used for various purposes such as money for trade and jewellery for women. More recently, gold has been used as an investment tool through the purchase of gold bar, gold coins and gold-back savings accounts. Ownership of gold after fulfilling certain term and conditions entails a Muslim to pay for zakat as prescribed by Islamic law. Therefore, this article aims to look at the concept of zakat on gold in the lights of discussion of classical fiqh and to adapt to the current development of the use of gold in society. Next we look at the practice and implementation of gold zakat in zakat institutions in Malaysia. This qualitative study was conducted using data collection and data analysis methods. The method of data collection is done through library research. The data obtained were analysed based on inductive, deductive and comparative methods to obtain study results. The results of this study show that the implementation of zakat gold has been implemented by the zakat</i></p>

<p>yang diperoleh dianalisis berdasarkan metode induktif, deduktif dan komparatif untuk mendapatkan hasil kajian. Hasil kajian ini menunjukkan pelaksanaan zakat emas telah dilaksanakan oleh institusi-institusi zakat di Malaysia yang meliputi zakat emas perhiasan, zakat emas yang disimpan dan zakat emas pelaburan. Ini menunjukkan institusi-institusi zakat sentiasa proaktif dalam melaksanakan zakat emas dan sentiasa membuat kajian secara berterusan.</p> <p><b>Kata kunci:</b> emas, zakat, institusi, Malaysia</p>	<p>institutions in Malaysia which include jewellery zakat, saved zakat and investment zakat. This shows that the zakat institutions are always proactive in implementing the zakat gold and are constantly conducting research.</p> <p><b>Keywords:</b> gold, zakat, institution, Malaysia</p>
--	--

## PENDAHULUAN

Emas merupakan sejenis logam bernilai yang dijadikan simbol kekayaan harta dan mampu berkembang. Oleh sebab itu, emas mesti dikenakan zakat sama seperti sumber-sumber kekayaan yang lain. Di Malaysia, emas merupakan salah satu harta kenaan zakat yang telah dilaksanakan oleh institusi-institusi zakat dalam memastikan masyarakat Islam melunaskan tanggungjawab berzakat. Kewajipan menunaikan zakat emas telah disebutkan secara jelas di dalam al-Quran dan hadis. Firman Allah SWT berikut:

“Dan orang yang menyimpan emas serta perak dan tidak membelanjakannya pada jalan Allah, maka beritahulah kepada mereka (bahawa mereka akan mendapat) seksa yang pedih”. (Surah al-Taubah 9: 34)

Ibn Qudamah (2003) dalam mengulas ayat di atas, menyatakan bahawa Allah SWT tidak menjanjikan keseksaan ke atas mereka yang tidak membayar zakat berkenaan kecuali zakat itu telah wajib.

Seterusnya, dalam sebuah hadis, Nabi SAW bersabda:

“Sesiapa sahaja yang menjadi tuan punya emas dan perak dan tidak menunaikan zakatnya, pada hari kiamat nanti akan disediakan kepadanya hamparan api yang dipanaskan oleh neraka, dengan api itulahakan diselarkan rusuk dan belakangnya”.

(Muslim, 2008)

Menurut al-Nawawi (1983), hadis di atas secara jelas menunjukkan hukum wajib zakat pada emas dan perak tanpa khilaf lagi di kalangan para

ulamak fiqh. Ibn Qudamah (2003), menegaskan kewajipan zakat ke atas emas ini telah diterima secara ijmak oleh para ulamak fiqh.

## PERBAHASAN NISAB ZAKAT EMAS

Para fuqaha berbeza pandangan terhadap nisab zakat emas kerana tidak terdapat hadis-hadis yang jelas maksud dan memiliki sanad atau periwayatan yang kukuh. Sebaliknya, para fuqaha sepakat dalam perkara nisab zakat perak iaitu dua ratus dirham. Menurut al-Qaradawi (2006), wang perak atau dirham yang banyak digunakan di kalangan masyarakat Arab sewaktu Islam diturunkan menjadikan banyak hadis menyebut tentang dirham berbanding dinar.

Walau bagaimanapun, majoriti fuqaha berpendapat nisab zakat emas ialah dua puluh mithqal, iaitu dua puluh dinar. Ibn Qudamah (2003) pula menegaskan berlaku ijmak di kalangan para fuqaha dalam menentukan nisab emas. Ini kerana ada satu riwayat sahaja yang menyebut bahawa al-Hasan al-Basri berpendapat 40 mithqal atau dinar. Sementara al-Syawkani (1973), pula menyebut ada riwayat lain yang menyebut bahawa al-Hasan al-Basri juga berpendapat seperti para fuqaha yang lain.

Berikut ialah dalil-dalil yang menjelaskan bahawa nisab zakat emas ialah 20 mithqal atau dinar ialah hadith ‘Ali ibn Abi Talib yang menyebut bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda:

Terjemahan: “Tidak wajib atas kamu sesuatupun iaitu pada emas, sehingga kamu memiliki 20 dinar. Apabila kamu ada 20 dinar dan telah cukup haul wajib baginya setengah dinar. Apa yang lebih dari itu mengikut kiraan yang sama”. (Abu Daud, 2008)

Seterusnya wujud persoalan di kalangan para fuqaha tentang nisab zakat emas ini, adakah penentuan 20 mithqal berasaskan perkiraan emas sendiri atau kerana ia bernilai 200 dirham. Faktor yang menimbulkan persoalan ini adalah kerana yang menjadi asas pertukaran paling popular pada zaman permulaan Islam ialah wang perak atau dirham.

Menurut Ibn Qudamah (2003), jumhur fuqaha berpendapat bahawa ketentuan sebanyak 20 mithqal adalah berdasarkan perkiraan emas sendiri dan bukan kerana ia bernilai 200 dirham. Manakala sebahagian para fuqaha, termasuk Ata', Tawus, al-Zuhri, Sulaiman ibn Harb dan Ayub al-Sakhtiani berpendapat ia berasaskan perak. Dalam erti kata lain, apa sahaja jumlah yang sehingga 200 dirham dikenakan zakat. Sebaliknya, jika selagi tidak bernilai 200 dirham, maka tidak dikenakan zakat. Antara alasan pendapat yang kedua ini ialah kerana tidak ada satu pun hadis yang sah daripada Rasulullah yang menyebut tentang perkiraan nisab berasaskan emas itu sendiri.

Namun, dakwaan golongan kedua ini tertolak kerana terdapat banyak riwayat yang menyebut tentang dinar secara tersendiri dari dirham. Menurut al-Qaradawi (2006), riwayat-riwayat tersebut walaupun tidak kuat dari segi sanadnya tetapi secara keseluruhannya boleh mem-perkuuhkan antara satu sama lain. Antara hadis berkaitan ialah riwayat Muhammad Abd Rahman al-Ansari yang menyebut:

Terjemahan: "Dalarn surat Rasulullah SAW dan dalam surat Umar tentang zakat (ada disebutkan): Tidak dipungut apa pun daripada emas sehingga ia berjumlah 200 dinar. Apabila ia mencapai jumlah 20 dinar maka dikenakan padanya setengah dinar. Sementara perak pula tidak diambil sesuatu daripadanya sehingga ia mencapai 200 dirham. Apabila ia mencapai jumlah 200 dirham dikenakan padanya lima dirham". (Abu Ubaid, 1989)

Seterusnya, hadis dari Amru ibn Syu'aib daripada bapanya daripada datuknya bahawa Rasulullah SAW bersabda:

Terjemahan: "Tidak ada zakat pada yang kurang dari 20 mithqal emas dan tidak ada zakat pada yang kurang dari 200 dirham". (Abu Ubaid, 1989)

Selain itu hadis Ibn Umar dan 'Aisyah, melaporkan bahawa:

Terjemahan: "Sesungguhnya Nabi SAW mengambil dari 20 dinar ke atas (sebanyak) setengah dinar, dan dari 40 dinar (sebanyak) satu dinar". (Ibn Majah, 2008)

Selain daripada hadis-hadis yang telah disebutkan, pandangan majoriti fuqaha ini juga diperkuuhkan oleh fakta sejarah. Mengikut al-Qaradawi (2006), adalah jelas daripada catatan-catatan yang ada pada zaman Rasulullah SAW iaitu satu dinar sama dengan 10 dirham. Menurut Ibn Qudamah (2003), emas dikenakan zakat atasnya sendiri dan bukan atas harganya. Justeru itu, emas patut ditentukan berdasarkan ia sendiri dan tidak berdasarkan sesuatu yang lain, samalah juga dengan harta-harta lain yang dikenakan zakat.

## **KLASIFIKASI EMAS YANG DIKENAKAN ZAKAT**

Al-Qaradawi (2006) mengkategorikan emas yang dikenakan zakat kepada dua kelas iaitu pertama, emas yang dimiliki sebagai bahan belum proses seperti jongkong atau dijadikan bahan pertukaran dalam urus niaga iaitu matawang dan sebagainya. Keduanya pula, emas yang dimiliki dalam bentuk barang seperti peralatan, barang perhiasan, barang kemas dan sebagainya. Kesemuanya ini tertakluk kepada syarat-syarat tertentu dikenakan zakat.

Manakala, institusi-institusi zakat di Malaysia pula mengklasifikasikan emas yang dikenakan zakat kepada tiga bahagian iaitu emas yang disimpan (الطهارة), emas perhiasan wanita (الطهارة) dan emas yang dilaburkan untuk membuat keuntungan (Lembaga Zakat Selangor, 2017; Pusat Pungutan Zakat Wilayah Persekutuan, 2017).

### **Zakat emas perhiasan (الطهارة)**

Majoriti fuqaha berpandangan zakat tidak dikenakan ke atas emas yang digunakan sebagai barang perhiasan wanita. Menurut Ibn Qudamah (2003), pandangan tersebut dipegang oleh Ibn Umar, Jabir, Anas, 'Aisyah dan Asma' iaitu daripada kalangan para Sahabat. Kemudiannya menjadi pegangan al-Syu'abi, Qatadah, Muhammad ibn 'Ali dan 'Amrah. Seterusnya menjadi pendapat Imam Malik, al-Syafie, Abu Ubaid, Ishaq dan Abu Thaur. Al-Qaradawi (2006), dalam merumuskan dalil-dalil yang menjadi asas pegangan kepada pandangan ini menyatakan:

Tidak terdapat dalil syarak yang sah sama ada berupa nas atau qiyas yang menunjukkan bahawa zakat dikenakan atas barang perhiasan.

- a) Sekiranya emas dijadikan barang perhiasan untuk kegunaan peribadi, ianya dilihat tidak lagi bersifat subur. Sedangkan zakat pada asasnya dipungut daripada harta-harta yang subur atau dicadang untuk disuburkan. Berdasarkan asas itu juga, unta dan lembu yang digunakan untuk membajak tidak dikenakan zakat, kerana dengan demikian ia tidak lagi digunakan untuk kesuburan, tetapi sebaliknya untuk tujuan peribadi.

Sementara mazhab Hanafi pula berpandangan, zakat emas mesti dipungut daripada barang perhiasan. Menurut Ibn Qudamah (2003), ia diriwayatkan daripada Umar ibn Mas'ud, Ibn Abbas, Abdullah ibn Amru ibn al-As, Sa'id ibn al-Musayyib, Sa'id ibn Jubair, Ata', Mujahid, Abdullah ibn Syaddad, Jabir ibn Zaid, Ibn Sirin, Maimun ibn Mahran al-Zuhri dan al-Thauri. Berikut adalah asas yang menjadi pandangan golongan ini pula ialah:

- a) Pengertian umum ayat yang mewajibkan zakat emas iaitu firman Allah:

“Dan orang-orang yang menyimpan emas dan perak dan tidak membelanjakannya pada jalan Allah, maka beritahulah kepada mereka (bahawa mereka akan mendapat) siksa yang pedih”.

(Surah al-Taubah 9:34)

Menurut al-Kasani (2003), ayat berkenaan tidak membezakan antara barang kemas wanita dengan sebarang jenis emas serta perak yang lain. Ini

bermaksud sesiapa sahaja yang memiliki emas dan perak dalam apa jua bentuk, kemudian tidak membayar zakatnya akan dikenakan azab yang pedih oleh Allah SWT.

- b) Pengertian umum hadis Rasullullah SAW yang mewajibkan zakat emas ialah:

Terjemahan: "Sesiapa sahaja yang menjadi tuan punya emas dan perak, tidak menunaikan zakatnya, pada hari kiamat nanti akan disediakan kepadanya hamparan api yang dipanaskan oleh neraka. Api itulah akan diselarkan muka dan belakangnya....." (Muslim, 2008)

Hadis ini juga tidak membezakan antara barang kemas wanita dengan sebarang jenis emas serta perak yang lain sebagaimana ayat al-quran sebelumnya.

Al-Qaradawi (2006), dalam melihat pelbagai pandangan berkaitan kedudukan zakat emas perhiasan, menyatakan pandangan yang kuat (rajih) ialah zakat tidak wajib ke atas emas perhiasan wanita, namun dikecualikan dalam dua keadaan:

- a) Perhiasan emas yang dibuat bukan untuk dipakai tetapi untuk disimpan iaitu dijadikan aset simpanan, maka wajib dikeluarkan zakat ke atasnya kerana emas tersebut telah beralih dari perhiasan kepada simpanan.
- b) Perhiasan yang dimiliki itutelah banyak sehingga masuk dalam kategori berlebihan dan melebihi kadar biasa yang dipakai oleh wanita setempat (uruf). Sekiranya berlebihan dengan adat dan kebiasaan adalah dilarang atau tidak digalakkan oleh syariat.

Di Malaysia, perhiasan emas dikenakan zakat sekiranya melebihi kadar uruf pakai golongan wanita. Penentuan uruf dilakukan melalui kajian dan muzakarah jawatankuasa fatwa negeri-negeri masing-masing. Kewajipan zakat emas perhiasan adalah berdasarkan uruf seperti jadual berikut:

Bil	Negeri	Uruf Perhiasan	Emas	Kenaan Zakat	Fatwa
1	Perak	500 gram	Keseluruhan emas	Telah difatwakan	
2	Pulau Pinang	165 gram	Keseluruhan emas	Telah difatwakan	
3	Perlis	170 gram	Keseluruhan emas	Telah difatwakan	
4	Pahang	500 gram	Keseluruhan	Tiada fatwa	

			emas	
5	W.Persekutuan	800 gram	Lebihan uruf	Telah difatwakan
6	Selangor	800 gram	Lebihan uruf	Telah difatwakan
7	Johor	850 gram	Lebihan uruf	Telah difatwakan
8	Terengganu	850 gram	Lebihan uruf	Difatwakan 850 gram tetapi amalan yang digunakan 150 gram. Fatwa tidak diwartakan.
9	Kedah	170 gram	Lebihan uruf	Telah difatwakan
10	Negeri Sembilan	850 gram (lama) 200 gram (baru)	Lebihan uruf	Belum difatwakan kadar baru
11	Melaka	200 gram	Lebihan uruf	Telah difatwakan
12	Sabah	RM 5,000.00	Lebihan uruf	Telah difatwakan
13	Sarawak	775 gram	Lebihan uruf	Telah difatwakan
14	Kelantan	Tiada	-	-

Jadual: Kadar uruf zakat emas perhiasan di Malaysia

Berdasarkan jadual di atas, kaedah pengiraan zakat emas perhiasan negeri-negeri di Malaysia didapati tidak seragam. Terdapat dua kaedah pengiraan zakat emas perhiasan iaitu pertama; zakat dikenakan ke atas nilai keseluruhan emas yang melebihi nisab dan kedua; zakat dikenakan hanya ke atas lebihan uruf sahaja.

Kaedah pertama ini dikenakan ke atas nilai keseluruhan emas yang melebihi nisab. Kaedah ini digunakan di empat buah negeri iaitu Perak, Pulau Pinang, Perlis dan Pahang. Contoh pengiraan (Zakat Pulau Pinang MAINPP, 2017) ialah:

Seorang wanita yang memiliki dan memakai emas sebagai perhiasan diri bernilai RM10,000.00, maka zakatnya ialah sebanyak:  $RM10,000 \times 2.5\% = RM 250$ .

Kaedah kedua pula dikenakan hanya ke atas lebihan uruf sahaja. Kaedah ini digunakan di majoriti negeri di Malaysia iaitu Wilayah Persekutuan, Selangor, Johor, Terengganu, Kedah, Negeri Sembilan, Melaka, Sabah dan Sarawak. Contoh pengiraan (Lembaga Zakat Selangor, 2017) ialah:

Kadar uruf emas di negeri Selangor ialah sebanyak 800 gram (kadar uruf semasa)  
$$[(\text{Berat emas} - \text{Uruf}) \times \text{harga emas semasa} \times 2.5\%]$$
$$(900 \text{ gram} - 800 \text{ gram}) \times \text{RM}144.38 = \text{RM}14,438 \times 2.5\% = \text{RM}360.95$$

### **Zakat emas yang disimpan (غير الحلي)**

Perbezaan pandangan hanya berlaku sekiranya perhiasan emas dimiliki bagi tujuan penggunaan semata-mata dan jumlahnya mengikut kadar keperluan biasa. Sekiranya perhiasan emas itu dimiliki untuk disimpan atau dalam jumlah yang lebih daripada kadar keperluan biasa semua para fuqaha berpendapat ianya wajib dikenakan zakat. Emas yang disimpan adalah emas yang tidak dipakai, iaitu emas yang benar-benar menjadi simpanan dan tidak digunakan sebagai perhiasan walaupun fizikalnya sama seperti emas perhiasan. Ianya termasuk barang kemas yang tidak dipakai kerana sudah rosak atau lama. Ianya juga termasuk barang perhiasan yang dimiliki oleh lelaki walaupun pemakaiannya haram disisi syarak.

Menurut al-Nawawi (1983), sekiranya seseorang itu membuat barang perhiasan daripada emas atau perak tanpa tujuan untuk menggunakannya tetapi untuk menyimpannya, maka mengikut mazhab yang sahih dan masyhur, zakat diwajibkan pada barang-barang perhiasan itu.

Jika jumlah berat emas yang disimpan itu menyamai atau melebihi nisab 85 gram, serta melepassi tempoh masa 12 bulan atau setahun (cukup haul), maka wajib dikeluarkan zakat keatasnya sebanyak 2.5 peratus (%). Hal ini sebagaimana sabda Nabi SAW yang bermaksud:

Terjemahan: "Tidak wajib atas kamu sesuatupun iaitu pada emas, sehingga kamu memiliki 20 dinar. Apabila kamu ada 20 dinar dan telah cukup haul wajib baginya setengah dinar. Apa yang lebih dari itu mengikut kiraan yang sama". (Abu Daud, 2008)

Kaedah pengiraan zakat emas yang disimpan ialah (Pusat Pungutan Zakat Wilayah Persekutuan, 2017):

Berat emas yang disimpan (jika melebihi nilai nisab) x Harga Emas Semasa x 2.5% Kadar Zakat

Sebagai contoh, sekiranya jumlah emas yang disimpan dalam tempoh setahun ialah 200 gram maka:

(Berat Emas dipakai x Harga Emas semasa 1gram x Kadar Zakat 2.5%)  
200 gram x RM165.68 (contoh) x 2.5% = RM828.40

### **Zakat emas pelaburan**

Secara umum, pelaburan emas terbahagi kepada dua kategori iaitu pelaburan emas patuh syarak dan pelaburan emas tidak patuh syarak. Pelaburan emas patuh syarak lazimnya dibahagikan kepada dua bentuk iaitu pelaburan dalam emas fizikal dan pelaburan dalam bentuk akaun emas (Pusat Pungutan Zakat Wilayah Persekutuan, 2017).

#### a) Zakat pelaburan emas fizikal

Emas fizikal yang dimiliki lazimnya diniatkan sebagai pelaburan untuk mendapatkan keuntungan. Biasanya emas ini berbentuk syiling, jongkong, bar dan wafer. Wajib dizakatkan sekiranya berat emas menyamai atau melebihi nisab 85 gram. Contohnya, jumlah emas yang dimiliki diniatkan untuk pelaburan adalah sebanyak 400 gram maka:

(Berat Emas x Harga Semasa x 2.5%)  
400 gm x RM140 (contoh) x 2.5% = RM1,400

#### b) Zakat akaun emas (passbook)

Terdapat bank menawarkan emas pelaburan berbentuk passbook atau Akaun Simpanan Emas. Akaun ini mencatatkan jumlah simpanan dalam unit gram emas yang dilaburkan. Pelaburan yang patuh syarak ialah fizikal emas itu wujud dan boleh dimiliki oleh pelabur. Wajib dizakatkan sekiranya ada niat pelaburan dan berat emas mencukupi nisab 85 gram. Contohnya, jika jumlah emas yang dimiliki dalam passbook sebanyak 200 gram maka:

(Berat Emas x Harga Semasa x 2.5%)  
200 gm x RM140 (contoh) x 2.5% = RM700

Manakala pelaburan emas yang tidak patuh syarak, lazimnya dibahagikan kepada dua bentuk iaitu pelaburan dalam bentuk akaun emas yang tidak menyediakan emas fizikal dan pelaburan emas melalui alam maya.

#### a) Zakat akaun emas tanpa fizikal emas

Emas pelaburan (passbook) atau akaun simpanan emas tidak patuh syarak sekiranya tiada pegangan emas fizikal. Zakat hanya dikenakan ke atas pelaburan pokok sahaja sekiranya jumlahnya melebihi nilai nisab tahunan. Ia dikira mengikut formula zakat wang simpanan.

b) Zakat emas maya

Emas maya adalah emas yang diniagakan untuk pelaburan secara bukan fizikal. Perniagaan emas maya menggunakan platform elektronik. Pelabur yang mempunyai akaun di broker tertentu boleh membuat arahan belian dan jualan emas dengan harga semasa dipaparkan di platform tetapi tidak boleh menuntut emas fizikal yang dibelinya.

Memandangkan jual beli emas ini tidak melibatkan emas fizikal maka ia adalah tidak patuh syariah. Zakat hanya dikenakan ke atas pelaburan pokok sekiranya jumlah melebihi kadar nisab tahunan. Ia dikategorikan sebagai bayaran zakat wang simpanan. Kaedah kiraan zakat emas pelaburan tidak patuh syarak:

$$\text{(Pelaburan pokok @ baki terendah} \times \text{kadar zakat)} \\ \text{RM40,000 (contoh)} \times 2.5\% = \text{RM1,000}$$

Pelaburan emas tanpa fizikal tidak patuh syariah ditaksirkan sebagai zakat wang simpanan. Hukum pelaburan seumpama ini adalah tidak sah dan haram. Ia termasuk dalam kategori jual beli sesuatu yang tidak wujud secara fizikalnya dan juga jual beli sesuatu yang tidak dimiliki oleh pihak yang menjualnya. Akadnya batil kerana tidak mencukupi syarat termeterai akad dari sudut kelayakan bertransaksi dan subjek yang diakadkan (Lembaga Zakat Selangor, 2017).

Segala keuntungan yang diperolehi daripada pelaburan ini adalah haram. Jadi ianya tidak wajib dizakatkan. Walau bagaimanapun, modal atau pokok pelaburan adalah harta yang halal. Oleh itu, jika ia melebihi nisab, maka zakat wajib dikeluarkan sebanyak 2.5% daripada jumlah modal tersebut (Lembaga Zakat Selangor, 2017).

Manakala dalam keadaan fasid kerana tidak mencukupi syarat sah / rukun jual beli, tetapi diakhiri dengan berlaku proses qabd (pindah milik), maka diwajibkan zakat ke atasnya kerana status pemilikannya adalah sempurna. Iaitu wajib zakat (atas kedua-dua prinsipal dan keuntungan) untuk transaksi yang akadnya fasid tetapi disertai qabd (Lembaga Zakat Selangor, 2017).

Jenis Akad	Keterangan	Status Pemilikan	Status Zakat
<b>Akad Batil</b>	Akad yang tidak mencukupi syarat termeterai akad dari sudut kelayakan bertransaksi dan subjek diakadkan	Tidak Sah	Tidak Wajib

<b>Akad Fasid tanpa Berlaku Qabd</b>	Akad yang tidak mencukupi syarat sah jual beli dan tidak diakhiri dengan qabd	Tidak Sah	Tidak Wajib
<b>Akad Fasid dan Berlaku Qabd</b>	Akad yang tidak mencukupi syarat sah jual beli, tetapi diakhiri dengan qabd	Sah	Wajib

Jadual: Status zakat terhadap pelaburan emas tidak patuh syariah

## KESIMPULAN

Berdasarkan perbincangan di atas, pemilikan ke atas emas mewajibkan zakat dikeluarkan setelah sempurna syarat kerana emas merupakan sejenis harta yang berharga dan bersifat subur. Di Malaysia, pelaksanaan zakat emas telah dilaksanakan oleh institusi-institusi zakat yang meliputi zakat emas perhiasan, zakat emas yang disimpan dan zakat emas pelaburan. Ini menunjukkan institusi-institusi zakat sentiasa proaktif dalam melaksanakan zakat emas dan sentiasa membuat kajian secara berterusan.

## RUJUKAN

Abī ‘Ubayd al-Qāsim bin Salām (1989), Kitāb al-Amwāl. Bayrūt: Dār al-Shurūq.

Abū Dāwud Sulaymān Ibn al-Ash’ath al-Sajistānī (2008), “Sunan Abū Dāwud” dalam Mawsu’at al-Ḥadīth al-Sharīf: al-Kutub al-Sittah, ed. Salih bin ‘Abd al-‘Aziz Al al-Shaykh. Riyad: Dar al-Salam.

Ibn Majah (2008), “Sunan Ibn Majah” dalam Mawsu’at al-Ḥadīth al-Sharīf: al-Kutub al-Sittah, ed. Salih bin ‘Abd al-‘Aziz Al al-Shaykh. Riyad: Dar al-Salam.

Ibn Qudāmah al-Maqdisī (2003), al-Mughnī. Cet. ke-6. Jilid 1.Urdun: Bayt al-Afkār al-Duwaliyah.

Lembaga Zakat Selangor (2017), <http://www.zakatselangor.com.my/jenis-jenis-zakat/zakat-harta/zakat-emas-perak/> (Dicapai pada 19 November 2017)

Al-Kasani, al-Imam ‘Ala al-Din Abi Bakr bin Mas’ud al-Hanafi (2003), Bada’i al-Sana’i. Cet. ke-2. Jilid ke-2. Bayrūt: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.

Muslim, Abu al-Husayn Muslim bin al-Hajjaj (2008), "Sahih Muslim." Dalam Mawsu'at al-Hadith al-Sharif: al-Kutub al-Sittah, ed. Salih bin 'Abd al-'Aziz Al al-Shaykh. Riyad: Dar al-Salam.

Al-Nawawī, al-Imām Abī Zakariyyā Muḥy al-Dīn bin Sharaf (1983), Sharh Sahih Muslim, Kaherah: Dar al-Fikr.

Pusat Pungutan Zakat Wilayah Persekutuan (2017),  
<http://www.zakat.com.my/info-zakat/jenis-jenis-zakat/zakat-emas/>  
(Dicapai pada 19 November 2017)

Al-Qarāḍāwī, Yūsuf (2006), Fiqh al-Zakāh Dirāsah Muqāranah li Ahkāmihā wa falsafatihā fi Daw' al-Qur'ān wa al-Sunnah. Cet. ke-25. Jilid ke-2. Qāhirah: Maktabah Wahbah.

Al-Syawkani, Muhammad ibn 'Ali ibn Muhammad (1973), Nayl al-Autar, Beirut: Dar al-Jalil.

Zakat Pulau Pinang MAINPP (2017),  
<http://www.zakatpenang.com/zpp/index.php/2013-06-30-10-54-31/jenis-zakat/zakat-emas-perak> (Dicapai pada 19 November 2017)

#### **Penafian**

*Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.*